

# GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

# Unit Dana Laporan Tahunan 2022



Bagi Tempoh 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022

- Dana Gemilang
- Dana Restu
- Dana Sejati
- Dana Lion Advanced Strategic
- Dana Lion Asia Pac
- Dana Lion AU-i
- Dana Lion Balanced
- Dana Lion Enhanced Equity
- Dana Lion Fixed Income
- Dana Lion Growth
- Dana Lion Progressive
- Dana Lion Small Mid Cap
- Dana Lion Strategic
- Dana Lion UK-i
- Dana Lion US-i
- Dana Lion ASEAN

# kandungan

- 1 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
- 3 Objektif Dana
- 5 Tinjauan dan Prospek Pelaburan
- 7 Prestasi Dana Tahun 2022
- 15 Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022
- 23 Penyata Aset Dan Liabiliti pada 31 Disember 2022
- 31 Penyata Perubahan Dalam Nilai Aset Bersih bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022
- 39 Nota-Nota Maklumat Kewangan
- 181 Penyata Pengurus
- 182 Laporan Juruaudit Bebas
- 185 Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan

# Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



**Dato Koh Yaw Hui**  
Ketua Pegawai Eksekutif

## Kepada Pemilik Polisi Berkaitan Pelaburan

Kami dengan sukacita membentangkan Laporan Tahunan 2022 Unit Dana Great Eastern (“UFs”) yang terdiri daripada Dana Restu (DR), Dana Sejati (DS), Dana Lion Balanced (LBF), Dana Lion Fixed Income (LFIF), Dana Lion Growth (LGF), Dana Lion Progressive (LPF), Dana Lion Strategic (LSF), Dana Lion Advanced Strategic (LASF), Dana Lion Small Mid Cap (LSMCF), Dana Lion US-i (USI), Dana Lion UK-i Fund (UKI), Dana Lion AU-i (AUI), Dana Lion Asia Pac (LAPF), Dana Lion Enhanced Equity (LEEF), Dana Gemilang (DG) and Dana Lion ASEAN (LAF) untuk tahun berakhir 31 Disember 2022.

# Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

Walaupun pasaran ekuiti global berhadapan dengan tahun yang sangat mencabar, LASF telah memperoleh pulangan +1.0%, iaitu mengatasi ukur rujuknya sebanyak +9.1%. Walau bagaimanapun, kebanyakan dana ekuiti mencatatkan pulangan negatif, selaras dengan ukur rujuk pasaran negatif pada 2022 bagi LSF, LGF, LBF and LEEF yang masing-masing mencatatkan pulangan -1.8%, -5.6%, -0.9% dan -4.5%, manakala LPF merosot dengan pulangan -5.3% dan LSMCF -9.1% bagi tahun ini. Bagi dana yang melabur dalam sekuriti Syariah, DG dan DR masing-masing merosot -1.2% and -9.7%.

FBM KLCI memulakan tahun dengan nada suram apabila pasaran bergerak balas kepada kenyataan yang dibuat oleh Rizab Persekutuan AS (FED) bahawa kadar faedah perlu dinaikkan lebih awal daripada yang dijangkakan bagi menangani jangkaan inflasi meningkat. Pasaran global bergerak balas dengan pantas berikut pengumuman serangan Rusia ke atas Ukraine pada 24 Februari dan kesan negatifnya. Pasaran bergolak disebabkan kecairan dalam harga komoditi yang menyebabkan inflasi meningkat. FBM KLCI berusaha untuk naik semula pada akhir Suku Pertama tetapi sentimen pasaran bertukar lemah disebabkan sekatan pergerakan yang dikuatkuasakan di Shanghai, inflasi yang mencapai paras tertinggi di AS dan permulaan kenaikan kadar faedah agresif oleh bank pusat di seluruh negara. Data makroekonomi yang lebih lemah juga mendorong sentimen berhati-hati manakala Rizab Persekutuan mengekalkan naratif bahawa kadar faedah akan kekal lebih tinggi untuk tempoh lebih panjang dalam berhadapan dengan inflasi yang kekal tinggi.

Dana pendapatan tetap mencatatkan pulangan positif pada 2022. LFIF mencatatkan pulang 1.3% berbanding ukur rujuk 2.2% bagi deposit tetap konvensional 12 bulan, manakala DS mencatatkan pulangan 2.6% berbanding pulangan 1.9% deposit Mudharabah 12 bulan. Dalam tempoh 5 tahun dan 10 tahun, LFIF mencatatkan pulangan tahunan masing-masing 3.9% dan 4.4%, manakala DS mencatatkan pulangan 4.7% dan 4.9% masing-masing.

2022 adalah antara tahun paling buruk bagi pasaran bon global apabila bank pusat di seluruh dunia menurut langkah FED untuk mengetatkan dasar kewangan mereka masing-masing apabila inflasi global kekal pada paras paling tinggi. Penyebab utama inflasi ialah serangan Rusia ke atas Ukraine. Harga minyak melonjak melebihi €120/tong berikutan sekatan yang dikenakan ke atas Rusia, yang adalah salah satu pengeluar terbesar tenaga dan bahan mentah dunia. Di tempat lain, dasar UK yang berubah-ubah berikutan perubahan politik bukan sahaja menyebabkan GBP menjunam dan kejatuhan bon kerajaan UK (Gilt), malah ia turut mempunyai kesan ke atas kadar faedah global. Bank of England (BOE) kemudiannya menenangkan pasaran dengan mengumumkan pembelian sementara bon kerajaan jangka panjang. Sementara itu, Bank of Japan mengejutkan pasaran dengan perubahan dasar tidak dijangka dengan membenarkan kadar faedah terus dinaikkan, yang menyebabkan kenaikan kadar hasil

bon kerajaan dan sokongan terhadap Yen Jepun menjelang akhir 2022. Di China, pihak berkuasa akhirnya membuat keputusan untuk menamatkan perintah kawalan pergerakan ketat COVID-19 yang telah dilaksanakan selama tiga tahun. Di Malaysia pula, lengkok kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MSG) menjadi semakin curam dengan ketara. Kadar hasil MSG meningkat pada 2022 selaras dengan pergerakan kadar hasil global. Apabila Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan dasar kadar faedah sebanyak 100bps pada 2022, tebaran di antara kadar hasil MGS dan perbendaharaan AS menjadi semakin ketat dengan ketara, dan menyebabkan Ringgit menjadi lemah berbanding Dollar AS dan aliran keluar asing daripada bon tempatan. Dari sudut yang lebih positif, Ringgit dan pasaran bon tempatan mendapat kembali sebahagian laba menjelang akhir tahun berikutan pembentukan kerajaan perpaduan baharu dan pelantikan Perdana Menteri Kesepuluh selepas Pilihanraya Umum Kelima Belas Malaysia. Risiko politik berkurangan dengan ketara walaupun masih wujud banyak ketakpastian. Pasaran bon Malaysia mengakhiri tahun ini dengan sedikit pulangan positif.

Melangkah memasuki 2023, kadar hasil bon global dijangka kekal mudah ubah. Pengetatan keadaan kewangan, pandemik COVID yang masih belum berakhir dan pencerobohan berterusan Rusia ke atas Ukraine, serta risiko kemelesetan yang semakin tinggi banyak mempengaruhi gambaran pertumbuhan. Manakala inflasi global dijangka meningkat, banyak pihak yang mencadangkan ia mungkin kekal tinggi lebih lama. Oleh itu, pengakhiran aliran "kadar faedah global yang lebih rendah untuk lebih lama" selaras dengan peralihan COVID daripada pandemik kepada endemik, dan potensi fasa baharu yang dicirikan oleh kadar faedah global lebih tinggi yang lebih lama walaupun ia mungkin tidak selama aliran kadar faedah rendah disebabkan demografi global. Di peringkat dalam negara, jangkaan umum adalah BNM akan terus menaikkan kadar ukur rujuk pada 2023. Berhubung dasar, perhatian akan tertumpu pada bagaimana kerajaan baharu akan bertindak antara menangani isu paling mendesak dari segi politik berhubung kos sara hidup dan menyambung semula pengukuhan fiskal, dan juga agenda untuk fasa berikut pembangunan dan pertumbuhan negara ini. Bersama dengan faktor tidak pasti luaran, termasuk kesan pembukaan semula China, kedaan geopolitik semasa dan perubahan oleh FED AS yang telah lama ditunggu, pasaran bon Malaysia dijangka kekal mencabar. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negera yang mudah pulih berserta dengan aliran masuk Pelaburan Langsung Asing yang teguh dalam memulakan tahun 2023 seharusnya dapat mengurangkan kesan negatif cabaran luaran. Sepersetujuan meramalkan KDNK berkembang melebihi 4% pada 2023, yang adalah menggalakkan dalam berhadapan dengan kelembapan global.

**Dato Koh Yaw Hui**

Ketua Pegawai Eksekutif

# Objektif Dana

LAPORAN TAHUNAN UNIT DANA 2022

## 1. DANA GEMILANG\*

Dana yang mana 80% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (50% hingga 100%), sebagiannya akan melabur dalam syarikat yang mempunyai operasi perniagaan yang signifikan di Singapura (sehingga 25%) dan China (Tanah Besar China, Hong Kong, Makau dan Taiwan) (sehingga 25%), jika dan apabila perlu, bagi meningkatkan pulangan dana. Dana ini hanya melabur dalam sekuriti yang mematuhi Syariah.

## 2. DANA RESTU\*

Sebuah dana yang 70% hingga 100% daripada instrumen pelaburannya adalah ekuiti yang mungkin memberi pulangan yang tidak menentu dalam jangka masa pendek. Dana ini kenaikan modal dalam jangka masa sederhana dan panjang. Dana Restu melabur dalam sekuriti yang diluluskan Syariah.

## 3. DANA SEJATI\*

Dana yang melabur dalam sekuriti pendapatan tetap yang diluluskan Syariah, contohnya sukuk kerajaan dan korporat serta dilaburkan dalam kertas/deposit pasaran mata wang Islam. Dana ini bertujuan untuk menyediakan pulangan yang konsisten pada tahap mudah ubah rendah. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (40% hingga 100%), sebagiannya mungkin dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap asing yang diluluskan Syariah (sehingga 50%), bagi meningkatkan pulangan dana.

## 4. DANA LION BALANCED

Dana yang melabur dalam campuran ekuiti (di antara 40% hingga 60%) dan sekuriti pendapatan tetap. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, pada kadar turun naik yang sederhana.

## 5. DANA LION FIXED INCOME

Dana yang melabur dalam sekuriti pendapatan tetap seperti bon kerajaan dan korporat serta dalam bentuk tunai dan setara dengan tunai. Dana ini bertujuan untuk menyediakan pulangan yang konsisten pada tahap mudah ubah rendah. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (40% hingga 100%), sebagiannya mungkin dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap asing (sehingga 50%), bagi meningkatkan pulangan dana.

## 6. DANA LION GROWTH

Dana yang memperuntukkan 70% hingga 100% daripada instrument pelaburan adalah ekuiti yang mungkin mempunyai kadar turun naik yang tidak stabil dalam jangka pendek. Dana ini menyasarkan kenaikan modal dalam jangka masa sederhana dan panjang.

## 7. DANA LION PROGRESSIVE

Dana yang melabur dalam campuran ekuiti (di antara 50% hingga 90%) dan sekuriti pendapatan tetap. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, pada tahap mudah ubah sederhana hingga tinggi.

## 8. DANA LION STRATEGIC

Dana yang melabur dalam campuran ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset memandangkan dana ini boleh melabur secara tunggal dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, dengan tahap mudah ubah sederhana.

## 9. DANA LION US-i

Dana yang diuruskan secara pasif dan menyasarkan untuk mengesan prestasi S&P500 dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang (strategi pengindeksan), yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang.

## 10. DANA LION UK-i

Dana yang diuruskan secara pasif dan menyasarkan untuk mengesan prestasi FTSE100 dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang (strategi pengindeksan), yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang.

## 11. DANA LION AU-i

Dana yang diuruskan secara pasif dan menyasarkan untuk mengesan prestasi S&P/ASX200 dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang (strategi pengindeksan), yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang.

## 12. DANA LION ASIA PAC

Dana sandaran yang mempunyai matlamat untuk mencapai peningkatan modal dalam jangka masa panjang dengan melabur khususnya dalam pasaran ekuiti rantau Asia Pasifik (kecuali Jepun). Dana ini melabur dalam pasaran yang telah berkembang dan maju. Pelaburan tidak memberi tumpuan kepada mana-mana industri atau sektor tertentu.

## 13. DANA LION ENHANCED EQUITY

Dana yang mana 80% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (50% hingga 100%), sebahagiannya akan melabur dalam syarikat yang mempunyai operasi perniagaan yang signifikan di Singapura (sehingga 25%) dan China (Tanah Besar China, Hong Kong, Makau dan Taiwan (sehingga 25%), jika dan apabila perlu, bagi meningkatkan pulangan dana).

## 14. DANA LION SMALL MID CAP

Dana ini mensasarkan kenaikan modal jangka pertengahan hingga jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti Permodalan Pasaran Kecil dan Sederhana (Small Mid Cap) di Malaysia. Sebahagian daripada pelaburannya mungkin dibuat dalam ekuiti Small Mid Cap asing (Asia Pasifik, tidak termasuk Jepun), jika dan apabila perlu, untuk meningkatkan pulangan pelaburan.

## 15. DANA LION ADVANCED STRATEGIC

Dana yang melabur dalam campuran ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang di Malaysia dan syarikat yang mempunyai operasi perniagaan bererti di Asia. Terdapat keleksibilitan dalam peruntukan aset kerana dana ini boleh melabur hanya dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti. Skim pelaburan kolektif seperti amanah saham, dana bersama, dan dana dagangan bursa yang melabur dalam kelas aset pendasar mungkin dipertimbangkan. Objektif dana ini ialah untuk memaksimumkan kenaikan modal dalam jangka sederhana hingga panjang di samping mengurangkan risiko dan/atau meningkatkan pulangan melalui tukar ganti kelas aset secara dinamik dan tepat pada masanya di dalam pasaran berlainan pada bila-bila masa.

## 16. DANA LION ASEAN

Dana yang 80% hingga 100% pelaburan dibuat dalam ekuiti. Dana ini berusaha untuk memaksimumkan naik nilai modal dalam jangka sederhana hingga panjang dalam pasaran ASEAN, termasuk Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand dan Filipina, untuk mencapai portfolio terpelbagai. Baki NAB dana akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang jangka pendek dalam negara, termasuk tunai. Skim pelaburan kolektif seperti unit amanah, dana bersama dan dana dagangan bursa yang melabur dalam kelas aset sandaran seumpamanya boleh dipertimbangkan.

### NOTA:

- \* Walaupun dana-dana ini dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah, pelan insurans berkaitan pelaburan yang menggunakan dana tersebut tidak diklasifikasikan sebagai produk yang berlandaskan Syariah.

# Tinjauan Dan Prospek Pelaburan

LAPORAN TAHUNAN UNIT DANA 2022

## TINJAUAN PASARAN EKUITI 2022

Jangkaan pada awal tahun untuk aktiviti ekonomi global yang mantap sebagaimana pada 2021 (pasca permulaan pandemik COVID-19 pada Mac 2020) akan berterusan meleset apabila Rizab Persekutuan AS mengisyaratkan bahawa kadar faedah akan dinaikkan lebih awal daripada yang dijangka bagi menangani inflasi yang semakin meningkat. Serangan tentera Rusia ke atas Ukraine pada 24 Februari 2022 memburukkan keadaan inflasi yang sememangnya rapuh disebabkan gangguan bekalan komoditi utama yang dieksport dari Rusia (minyak mentah, gas asli, baja) dan Ukraine (minyak bunga matahari, gandum). Harga minyak mentah Brent melonjak kepada \$130/tong menjelang akhir suku pertama. Di China, kepatuhan ketat kepada dasar sifar COVID dan perintah kawalan pergerakan di pusat perkilangan utama menyebabkan penghentian selanjutnya di pusat perkilangan di kawasan berkenaan dan penutupan pelabuhan, dan dengan itu mengganggu rantaian bekalan global yang sememangnya telah tertekan. Dalam berhadapan dengan inflasi tidak terkawal di AS, FED menaikkan kadar Dana Fed kepada 4.25%-4.50% dalam mesyuarat dasar kewangan terakhirnya pada 2022, yang meningkatkan kos pinjaman ke paras tertinggi sejak 2007, dan selaras dengan jangkaan pasaran. Ia adalah kenaikan kadar berturutan ketujuh, selepas empat kenaikan mata tiga suku berturutan. Rakyat Malaysia keluar mengundi dalam Pilihanraya Umum Kelima Belas, yang menyaksikan pelantikan Perdana Menteri (PM) Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri Kesepuluh negara ini.

Kemudahan ekstrim adalah perkara pokok yang perlu dihadapi oleh pelabur pada 2022, dengan kebanyakan pasaran saham global mengambil petunjuk daripada retorik agresif bank pusat, peningkatan berterusan inflasi, dasar perintah kawalan pergerakan agresif China, dan kesan konflik Rusia-Ukraine. Pasaran maju yang besar mencatatkan pulangan negatif disebabkan keimbangan yang meningkat berhubung perolehan korporat dan kemelesetan yang disebabkan kenaikan agresif kadar faedah. Di peringkat dalam negara, FBM KLCI mengakhiri tahun ini dengan pulangan -4.6%. Aliran masuk asing bertukar positif buat pertama kali dalam beberapa tahun, dengan aliran masuk berjumlah RM4.4 bilion.

## TINJAUAN PASARAN PENDAPATAN TETAP 2022

2022 adalah antara tahun paling buruk bagi pasaran Perbendaharaan US, apabila ia mencatatkan pulangan tahunan -12.5% (2021:-2.3%). Kadar hasil Perbendaharaan US 10 tahun meningkat 236 mata asas (bps) pada 2022, dengan didorong oleh tekanan inflasi yang memaksa FED menaikkan kadar ukur rujuknya secara agresif. Sejak Mac 2022, FED menaikkan kadar tujuh kali dalam tempoh hanya setahun, dengan sejumlah 425 bps, menjadikannya kitar kenaikan kadar paling mendadak sejak awal 1980an. Bank pusat di seluruh dunia menurut langkah FED dengan mengetatkan dasar kewangan mereka masing-masing apabila inflasi global kekal pada paras paling tinggi. Penyebab utama inflasi ialah serangan Rusia ke atas Ukraine apabila peristiwa ini dilaporkan pada akhir Februari 2022. Harga minyak melonjak melebihi \$120/tong berikutan sekatan yang dikenakan ke atas Rusia, salah satu pengeluar tenaga dan bahan mentah utama di dunia.

Selain itu, 2022 adalah tahun penuh peristiwa dalam pasaran kadar faedah global. Ketika Bank of England (BOE) mengetatkan dasarnya bagi menangani inflasi, Canselor UK, Kwasi Kwarteng, mengumumkan dasar fiskal mengejutkan dengan subsidi tenaga dan potongan cukai besar pada September 2022 (yang kemudiannya dimansuhkan). GBP menjunam, dan bon kerajaan UK (Gilt) jatuh, dengan kadar hasil Gilt 10 tahun naik sebanyak 68bps dalam hanya dua hari. Apabila penjualan Gilt menjadi huru-hara, BOE mengumumkan pembelian sementara bon kerajaan jangka panjang bagi meredakan pasaran. Sementara itu Bank of Japan (BOJ) mengejutkan pasaran dengan membuat perubahan dasar luar jangka dengan membenarkan kadar faedah terus naik, yang menyebabkan kenaikan dalam kadar hasil bon kerajaan dan pengukuhan Yen Jepun menjelang akhir 2022. Peserta pasaran menganggapnya sebagai pentunjuk yang BOJ akhirnya menamatkan rangsangan kewangan berpanjangannya disebabkan tekanan inflasi yang semakin buruk, dan mungkin memulakan kitar penormalan pertama sejak beberapa tahun. Di China, pihak berkuasa akhirnya memutuskan untuk menamatkan perintah kawalan pergerakan ketat COVID yang dikuatkuasakan sejak tiga tahun lalu. Pelonggaran ini menimbulkan keimbangan di kalangan sesetengah negara kerana jangkaan kemasukan ramai pelancong China boleh menyebabkan tercetusnya wabak COVID baru.

# Tinjauan Dan Prospek Pelaburan

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

Di dalam negara, Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) meneruskan aliran bearisnya sejak tahun lalu, dengan lengkung kadar hasil semakin curam dengan ketara. Kadar hasil MGS meningkat 30-140bps merentasi lengkung dengan kadar hasil MGS 10 tahun meningkat sebanyak 45 bps kepada 4.07% selaras dengan pergerakan kadar hasil global. Apabila Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan dasar kadar faedah sebanyak 100bps pada 2022, tebaran di antara kadar hasil MGS dan perbendaharaan AS menjadi ketat dengan ketara. Ringgit semakin lemah berbanding Dolar AS dan ia disertai aliran keluar asing daripada bon tempatan. Dari sudut yang lebih positif, Ringgit dan pasaran bon tempatan memperoleh kembali sebahagian laba menjelang akhir tahun berikutan pembentukan kerajaan perpaduan baharu dan pelantikan Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri. Risiko politik berkurangan dengan ketara walaupun masih wujud banyak ketakpastian. Pasaran bon Malaysia mengakhiri tahun ini dengan sedikit pulang positif.

## PROSPEK PASARAN EKUITI 2023

Pertumbuhan global kekal lemah pada akhir 2022 dengan sektor perkilangan dan perkhidmatan menunjukkan penguncupan. Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Komposit Global mendatar pada Disember, tetapi komponen tempahan baharu memandang ke hadapan jatuh sekali lagi dan data perdagangan global utama kekal mundur dengan dinamik lemah di pusat perdagangan Asia. Dari sudut positif, tekanan harga rantaian bekalan berkurangan dengan kejatuhan harga tenaga dan harga barang disinfasi. Namun, bank pusat mengekalkan pendirian agresif disebabkan tumpuan mereka kepada pasaran buruh yang ketat dan inflasi perkhidmatan lekit. Data makroekonomi global akan dipantau rapi bagi menilai kesan kenaikan kadar faedah agresif pada tahun lalu dan sama ada ekonomi maju utama boleh mengelak kemelesetan global. Manakala pengetatan tambahan dijangkakan pada separuh pertama 2023, penghujung kitar kenaikan semakin hampir. Pembukaan semula China akan menyaksikan pemulihan didorong penggunaan yang bererti bermula pertengahan 2023 yang dijangka memacu pertumbuhan sepanjang tahun sehingga melebihi 5%.

Di Malaysia, pelabur berkemungkinan akan memberikan tumpuan kepada kestabilan Kerajaan Perpaduan pimpinan PM Anwar Ibrahim dan kemampuan beliau untuk menunaikan janji kempen pilihanraya. Permintaan dalam negara dijangka mudah pulih memandangkan pemulihan yang sedang berlaku dalam sektor berkaitan pelancongan dan kadar tabungan isi rumah yang memuaskan. Kepantasan pembukaan semula China akan menjadi faktor penting dalam prospek penggunaan negara memandangkan Malaysia berada di tempat kedua selepas Thailand sebagai destinasi pilihan pelancong China. Permintaan dalam negara yang mudah pulih di samping aliran masuk Pelaburan Langsung Asing yang kukuh pada 2023 akan dapat membantu mengurangkan kesan negatif cabaran luaran. Sepersetujuan meramalkan KDNK akan tumbuh melebihi 4% pada 2023, sesuatu yang menggalakkan dalam keadaan kelembapan global.

## PROSPEK PASARAN PENDAPATAN TETAP 2023


Bank Dunia meramalkan ekonomi global akan menjadi perlahan daripada 2.9% pada 2022 kepada 1.7% pada 2023. Pengetatan keadaan kewangan, pandemik COVID yang masih belum berakhir dan serangan berterusan Rusia ke atas Ukraine meningkatkan risiko kemelesetan disebabkan kenaikan kadar faedah agresif banyak mempengaruhi prospek pertumbuhan. Walaupun kitar pengetatan kewangan global mungkin hampir berakhir, FED sekali lagi telah menekankan bahawa usaha menangani inflasi masih belum berakhir kerana kita masih belum mengetahui tahap kelekitan inflasi. Kadar hasil bon global dijangka kekal mudah ubah kerana inflasi tinggi dan risiko kemelesetan biasanya menyebabkan kekeliruan dasar.

Di peringkat dalam negeri, jangkaan umum ialah BNM akan terus menaikkan kadar ukur rujuk pada 2023. Kadar hasil bon telah pun menunjukkan potensi akan meningkat dan mungkin lebih rendah jika tidak berlaku kenaikan. Berhubung dasar, perhatian akan ditumpukan pada bagaimana kerajaan baharu menangani isu paling mendesak dari segi politik berhubung kos sara hidup dan menyambung semula pengukuhan fiskal selain agenda untuk fasa berikutnya pembangunan dan pertumbuhan negara. Apabila dipertimbangkan bersama dengan faktor luaran tidak pasti, termasuk kesan bersih pembukaan semula China, keadaan geopolitik semasa dan perubahan oleh FED AS yang telah lama ditunggu untuk kitar kadar berikut, pasaran bon Malaysia masih berhadapan dengan kedaan mencabar.


# Prestasi Dana Tahun 2022

LAPORAN TAHUNAN UNIT DANA 2022

## Dana Gemilang




## Dana Restu




# Prestasi Dana Tahun 2022

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

## Dana Sejati




## Dana Lion Balanced




# Prestasi Dana Tahun 2022

LAPORAN TAHUNAN UNIT DANA 2022

## Dana Lion Fixed Income




## Dana Lion Growth




# Prestasi Dana Tahun 2022

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

## Dana Lion Progressive




## Dana Lion Strategic




# Prestasi Dana Tahun 2022

LAPORAN TAHUNAN UNIT DANA 2022

Dana Lion US-i



Dana Lion UK-i




# Prestasi Dana Tahun 2022

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

## Dana Lion AU-i




## Dana Lion Asia Pac




# Prestasi Dana Tahun 2022

LAPORAN TAHUNAN UNIT DANA 2022

## Dana Lion Enhanced Equity




## Dana Lion Small Mid Cap




# Prestasi Dana Tahun 2022

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

## Dana Lion Advanced Strategic



## Dana Lion ASEAN



Nota: Tarikh permulaan untuk Dana Lion ASEAN ialah 19 Oktober 2022. Oleh itu, presetasi satu tahun masih tidak tersedia.

# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

LAPORAN TAHUNAN UNIT DANA 2022

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022

	Dana Gemilang		Dana Restu	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
<b>Pendapatan Pelaburan Bersih:</b>				
Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi ("FVTPL"):				
-Nilai Wajib: Pendapatan Dividen	14,538,809	14,751,864	23,833,057	27,059,507
Kos Yang Dilunaskan ("AC"):				
Pendapatan Keuntungan	-	8,824	1,438	371,271
Tunai Dan Baki Bank:				
Pendapatan Keuntungan	296,745	315,604	917,320	718,791
Perbelanjaan Pelaburan	(1,404,422)	(1,226,573)	(2,690,311)	(2,036,044)
Keuntungan Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	5,890,234	443,144	-	-
Keuntungan Atas Pertukaran Mata Wang Asing	4,002,579	1,589,813	-	-
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>23,323,945</b>	<b>15,882,676</b>	<b>22,061,504</b>	<b>26,113,525</b>
Perbelanjaan Pengurusan	2,309	562	5,120	55
Kerugian Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	-	-	5,528,751	2,760,498
Kerugian Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	22,138,533	21,428,984	99,989,450	35,541,537
Caj Pelaburan	5,589,407	5,257,530	11,219,797	12,615,941
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>27,730,249</b>	<b>26,687,076</b>	<b>116,743,118</b>	<b>50,918,031</b>
<b>Lebihan (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)</b>				
Sebelum Cukai	(4,406,304)	(10,804,400)	(94,681,614)	(24,804,506)
Cukai	1,094,394	1,715,638	9,403,803	4,012,999
<b>Lebihan (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)</b>				
Selepas Cukai	(3,311,910)	(9,088,762)	(85,277,811)	(20,791,507)
<b>(Defisit)/Pendapatan Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan</b>				
	(3,539,729)	5,549,033	386,043,017	406,834,524
<b>(Defisit)/Pendapatan Tidak Diagih Ke Hadapan</b>	<b>(6,851,639)</b>	<b>(3,539,729)</b>	<b>300,765,206</b>	<b>386,043,017</b>

# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022

	Dana Sejati		Dana Lion Balanced	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
<b>Pendapatan Pelaburan Bersih:</b>				
FVTPL - Nilaian Wajib:				
Keuntungan/Pendapatan Faedah	45,945	-	2,407,021	1,181,701
Pendapatan Dividen	2,221,923	2,244,000	40,742,151	32,697,502
FVTPL - Ditetapkan Mengikut Pengiktirafan Awal:				
Keuntungan/Pendapatan Faedah	10,044,058	8,857,379	20,240,395	17,200,931
AC:				
Keuntungan/Pendapatan Faedah	415,028	241,602	6,139,438	3,465,208
Tunai Dan Baki Bank:				
Keuntungan/Pendapatan Faedah	8,354	39,393	2,501,706	1,523,803
Perbelanjaan Pelaburan	(11,620)	(9,999)	(3,394,672)	(6,014,177)
Keuntungan Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	791,296	-	3,873,144	-
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>13,514,984</b>	<b>11,372,375</b>	<b>72,509,183</b>	<b>50,054,968</b>
Perbelanjaan Pengurusan	1,508	330	12,025	3,622
Kerugian Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	-	164,210	-	27,632,264
Kerugian Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	4,154,040	11,122,124	67,050,649	46,954,238
Caj Pelaburan	1,317,726	1,230,243	18,894,731	15,608,597
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>5,473,274</b>	<b>12,516,907</b>	<b>85,957,405</b>	<b>90,198,721</b>
<b>Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan/ (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)</b>				
<b>Sebelum Cukai</b>	<b>8,041,710</b>	<b>(1,144,532)</b>	<b>(13,448,222)</b>	<b>(40,143,753)</b>
Cukai	(643,545)	103,517	3,920,632	5,573,267
<b>Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan/ (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)</b>				
<b>Selepas Cukai</b>	<b>7,398,165</b>	<b>(1,041,015)</b>	<b>(9,527,590)</b>	<b>(34,570,486)</b>
<b>Pendapatan Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan</b>	<b>79,528,856</b>	<b>80,569,871</b>	<b>216,360,752</b>	<b>250,931,238</b>
<b>Pendapatan Tidak Diagih Ke Hadapan</b>	<b>86,927,021</b>	<b>79,528,856</b>	<b>206,833,162</b>	<b>216,360,752</b>

# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

LAPORAN TAHUNAN UNIT DANA 2022

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022

	Dana Lion Fixed Income		Dana Lion Growth	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
<b>Pendapatan Pelaburan Bersih:</b>				
FVTPL - Nilaian Wajib:				
Pendapatan Faedah	5,639,214	7,276,966	-	-
Pendapatan Dividen	15,835,368	16,213,424	25,149,495	22,444,543
FVTPL - Ditetapkan Mengikut Pengiktirafan Awal:				
Pendapatan Faedah	78,750,414	66,869,992	-	-
AC:				
Pendapatan Faedah	1,118,192	731,120	-	-
Tunai Dan Baki Bank:				
Pendapatan Faedah	5,968,478	2,477,533	338,694	227,073
Perbelanjaan Pelaburan	(90,712)	(77,644)	(1,972,779)	(2,058,460)
Keuntungan Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	3,706,523	-	-	-
Keuntungan Atas Pertukaran Mata Wang Asing	2,028,876	968,516	-	-
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>112,956,353</b>	<b>94,459,907</b>	<b>23,515,410</b>	<b>20,613,156</b>
Perbelanjaan Pengurusan	14,510	3,585	3,396	(48)
Kerugian Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	-	6,651,585	7,857,102	22,281,958
Kerugian Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	63,015,622	99,910,043	48,291,658	6,509,861
Caj Pelaburan	11,767,424	10,341,380	8,541,740	9,416,102
Kerugian Atas Pertukaran Mata Wang Asing	-	-	-	-
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>74,797,556</b>	<b>116,906,593</b>	<b>64,693,896</b>	<b>38,207,873</b>
<b>Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan/ (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)</b>				
<b>Selbelum Cukai</b>	<b>38,158,797</b>	<b>(22,446,686)</b>	<b>(41,178,486)</b>	<b>(17,594,717)</b>
Cukai	(2,983,790)	1,917,816	5,196,205	3,038,407
<b>Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan/ (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)</b>				
<b>Selepas Cukai</b>	<b>35,175,007</b>	<b>(20,528,870)</b>	<b>(35,982,281)</b>	<b>(14,556,310)</b>
<b>Pendapatan Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan</b>	<b>482,763,773</b>	<b>503,292,643</b>	<b>376,905,715</b>	<b>391,462,025</b>
<b>Pendapatan Tidak Diagih Ke Hadapan</b>	<b>517,938,780</b>	<b>482,763,773</b>	<b>340,923,434</b>	<b>376,905,715</b>

# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022

	Dana Lion Progressive 2022 RM	Dana Lion Progressive 2021 RM	Dana Lion Strategic 2022 RM	Dana Lion Strategic 2021 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih:				
FVTPL - Nilaian Wajib:				
Pendapatan Faedah	508,726	312,500	659,295	312,500
Pendapatan Dividen	36,128,285	32,929,781	86,817,053	78,947,133
FVTPL - Ditetapkan Mengikut Pengiktirafan Awal:				
Pendapatan Faedah	3,194,575	3,627,873	5,083,301	2,233,620
AC:				
Pendapatan Faedah	10,411	-	199,739	275,351
Tunai Dan Baki Bank:				
Pendapatan Faedah	1,323,818	812,220	3,121,636	1,461,169
Perbelanjaan Pelaburan	(2,605,730)	(2,758,700)	(2,450,023)	(4,037,276)
Keuntungan Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	-	3,055,581	-	-
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>38,560,085</b>	<b>37,979,255</b>	<b>93,431,001</b>	<b>79,192,497</b>
Perbelanjaan Pengurusan	6,404	405	14,343	1,784
Kerugian Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	12,904,176	27,150,078	32,534,969	32,269,130
Kerugian Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	76,951,516	-	83,292,301	5,953,655
Caj Pelaburan	13,450,329	14,218,424	27,823,771	26,955,914
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>103,312,425</b>	<b>41,368,907</b>	<b>143,665,384</b>	<b>65,180,483</b>
<b>Lebihan (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)/ Pendapatan Daripada Perbelanjaan</b>				
Sebelum Cukai	(64,752,340)	(3,389,652)	(50,234,383)	14,012,014
Cukai	7,957,790	2,686,291	10,641,670	4,703,019
<b>Lebihan (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)/ Pendapatan Daripada Perbelanjaan</b>				
Selepas Cukai	(56,794,550)	(703,361)	(39,592,713)	18,715,033
<b>Pendapatan Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan</b>	<b>364,507,510</b>	<b>365,210,871</b>	<b>388,970,752</b>	<b>370,255,719</b>
<b>Pendapatan Tidak Diagih Ke Hadapan</b>	<b>307,712,960</b>	<b>364,507,510</b>	<b>349,378,039</b>	<b>388,970,752</b>

# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

LAPORAN TAHUNAN UNIT DANA 2022

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022

	Dana Lion US-i 2022 RM	Dana Lion US-i 2021 RM	Dana Lion UK-i 2022 RM	Dana Lion UK-i 2021 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih:				
FVTPL - Nilaian Wajib:				
Pendapatan Dividen	690,002	394,788	235,054	253,083
Tunai Dan Baki Bank:				
Pendapatan Faedah	3,298	1,919	370	262
Perbelanjaan Pelaburan	(8,936)	(7,005)	(5,753)	(6,743)
Keuntungan Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	-	2,037	-	-
Keuntungan Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	-	6,530,574	26,445	801,424
Keuntungan Atas Pertukaran Mata Wang Asing	1,836,963	350,965	-	145,985
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>2,521,327</b>	<b>7,273,278</b>	<b>256,116</b>	<b>1,194,011</b>
Perbelanjaan Pengurusan	389	(5)	39	(8)
Kerugian Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	303,013	-	8,687	21,695
Kerugian Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	8,630,620	-	-	-
Caj Pelaburan	316,572	198,575	45,799	46,674
Kerugian Atas Pertukaran Mata Wang Asing	-	-	339,133	-
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>9,250,594</b>	<b>198,570</b>	<b>393,658</b>	<b>68,361</b>
<b>Lebihan (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)/</b>				
<b>Pendapatan Daripada Perbelanjaan</b>				
Sebelum Cukai	(6,729,267)	7,074,708	(137,542)	1,125,650
Cukai	400,460	(697,583)	10,757	(87,173)
<b>Lebihan (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)/</b>				
<b>Pendapatan Daripada Perbelanjaan</b>				
Selepas Cukai	(6,328,807)	6,377,125	(126,785)	1,038,477
<b>Pendapatan Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan</b>	<b>17,210,261</b>	<b>10,833,136</b>	<b>2,524,799</b>	<b>1,486,322</b>
<b>Pendapatan Tidak Diagih Ke Hadapan</b>	<b>10,881,454</b>	<b>17,210,261</b>	<b>2,398,014</b>	<b>2,524,799</b>

# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022

	Dana Lion AU-i 2022 RM	Dana Lion AU-i 2021 RM	Dana Lion Asia Pac 2022 RM	Dana Lion Asia Pac 2021 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih:				
FVTPL - Nilaian Wajib:				
Pendapatan Dividen	830,085	476,136	-	-
Tunai Dan Baki Bank:				
Pendapatan Faedah	2,354	619	261	590
Perbelanjaan Pelaburan	(16,632)	(17,159)	35	(66)
Keuntungan Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	-	1,457,782	-	93,428
Keuntungan Atas Pertukaran Mata Wang Asing	-	-	100,878	30,179
Lain-lain Pendapatan (Nota 4)	-	-	15,428	19,447
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>815,807</b>	<b>1,917,378</b>	<b>116,602</b>	<b>143,578</b>
Perbelanjaan Pengurusan	78	4	8	3
Kerugian Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	26,232	65,143	3,055	24,520
Kerugian Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	854,226	-	436,182	-
Caj Pelaburan	89,674	91,160	27,075	36,326
Kerugian Atas Pertukaran Mata Wang Asing	63,299	247,104	-	-
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>1,033,509</b>	<b>403,411</b>	<b>466,320</b>	<b>60,849</b>
<b>Lebihan (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)/ Pendapatan Daripada Perbelanjaan</b>				
Sebelum Cukai	(217,702)	1,513,967	(349,718)	82,729
Cukai	(7,573)	(126,835)	27,987	(6,621)
<b>Lebihan (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)/ Pendapatan Daripada Perbelanjaan</b>				
Selepas Cukai	(225,275)	1,387,132	(321,731)	76,108
<b>Pendapatan Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan</b>	<b>6,359,580</b>	<b>4,972,448</b>	<b>906,980</b>	<b>830,872</b>
<b>Pendapatan Tidak Diagih Ke Hadapan</b>	<b>6,134,305</b>	<b>6,359,580</b>	<b>585,249</b>	<b>906,980</b>

# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

LAPORAN TAHUNAN UNIT DANA 2022

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022

	Dana Lion Enhanced Equity 2022 RM	Dana Lion Enhanced Equity 2021 RM	Dana Lion Small Mid Cap 2022 RM	Dana Lion Small Mid Cap 2021 RM
<b>Pendapatan Pelaburan Bersih:</b>				
FVTPL - Nilaian Wajib:				
Pendapatan Dividen	67,731,247	54,131,743	817,891	378,530
AC:				
Pendapatan Faedah	437,644	113,904	-	-
Tunai Dan Baki Bank:				
Pendapatan Faedah	2,669,593	887,567	81,235	32,526
Perbelanjaan Pelaburan	(8,695,660)	(8,012,445)	(294,545)	(216,165)
Keuntungan Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	-	-	157,666	-
Keuntungan Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	-	9,781,537	-	-
Keuntungan Atas Pertukaran Mata Wang Asing	29,146,161	9,526,986	99,211	23,918
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>91,288,985</b>	<b>66,429,292</b>	<b>861,458</b>	<b>218,809</b>
Perbelanjaan Pengurusan	13,479	4,827	790	514
Kerugian Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	30,661,764	68,998,961	-	23,975
Kerugian Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	132,455,644	-	3,404,310	1,063,072
Caj Pelaburan	29,916,695	27,241,182	391,083	254,757
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>193,047,582</b>	<b>96,244,970</b>	<b>3,796,183</b>	<b>1,342,318</b>
<b>Lebihan (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)</b>				
Sebelum Cukai	(101,758,597)	(29,815,678)	(2,934,725)	(1,123,509)
Cukai	12,053,868	5,003,945	287,674	136,181
<b>Lebihan (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)</b>				
Selepas Cukai	(89,704,729)	(24,811,733)	(2,647,051)	(987,328)
<b>Pendapatan Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan</b>	<b>66,690,165</b>	<b>91,501,898</b>	<b>594,127</b>	<b>1,581,455</b>
<b>(Defisit)/Pendapatan Tidak Diagih</b>				
<b>Ke Hadapan</b>	<b>(23,014,564)</b>	<b>66,690,165</b>	<b>(2,052,924)</b>	<b>594,127</b>

# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022

	Dana Lion Advanced Strategic	Dana Lion ASEAN
	18.10.2022	31.12.2022
	2022	2021
	RM	RM
Pendapatan Pelaburan Bersih:		
FVTPL - Nilaian Wajib:		
Pendapatan Dividen	844,526	311,486
Tunai Dan Baki Bank:		
Pendapatan Faedah	45,551	24,729
Perbelanjaan Pelaburan	(91,707)	(81,089)
Keuntungan Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	-	105,088
Keuntungan Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	-	21,075
Keuntungan Atas Pertukaran Mata Wang Asing	252,199	47,436
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>1,050,569</b>	<b>407,650</b>
	<b>20,883</b>	
Perbelanjaan Pengurusan	277	282
Kerugian Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	122,719	-
Kerugian Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	103,384	398,548
Caj Pelaburan	314,624	145,042
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>541,004</b>	<b>543,872</b>
	<b>1,874</b>	
<b>Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan/ (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)</b>		
Sebelum Cukai	509,565	(136,222)
Cukai	(7,304)	29,093
<b>Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan/ (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)</b>		
Selepas Cukai	502,261	(107,129)
<b>(Defisit)/Pendapatan Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan</b>	<b>(13,749)</b>	<b>93,380</b>
<b>Pendapatan/(Defisit) Tidak Diagih Ke Hadapan</b>	<b>488,512</b>	<b>(13,749)</b>
	<b>18,080</b>	

# Penyata Aset dan Liabiliti

LAPORAN TAHUNAN UNIT DANA 2022

Pada 31 Disember 2022

	Dana Gemilang		Dana Restu	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
<b>Aset</b>				
Pelaburan (Nota 5)	368,146,315	348,083,126	681,161,479	832,099,587
Sekuriti Ekuiti	353,187,929	322,940,578	676,984,504	808,197,432
Dana Amanah Unit Dan Hartanah	14,958,386	25,142,548	4,176,975	13,902,155
Deposit Dengan Institusi Kewangan	-	-	-	10,000,000
Aset Cukai Tertunda	1,720,939	2,202,097	3,719,676	170,436
Cukai Yang Dikembalikan	1,757,299	267,438	5,903,888	2,105,926
Aset Lain (Nota 6)	554,350	218,289	6,652,972	3,538,955
Tunai Dan Baki Bank	47,761,957	26,172,033	89,474,270	52,954,316
<b>Jumlah Aset</b>	<b>419,940,860</b>	<b>376,942,983</b>	<b>786,912,285</b>	<b>890,869,220</b>
<b>Liabiliti</b>				
Pembiayaan Lain (Nota 7)	395,313	584,911	329,272	3,916,840
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>395,313</b>	<b>584,911</b>	<b>329,272</b>	<b>3,916,840</b>
<b>Nilai Aset Bersih Dana (“NAV”)</b>	<b>419,545,547</b>	<b>376,358,072</b>	<b>786,583,013</b>	<b>886,952,380</b>
<b>Ekuiti</b>				
Modal Pemegang Unit	426,397,186	379,897,801	485,817,807	500,909,363
(Deficit)/Pendapatan Tidak Diagih	(6,851,639)	(3,539,729)	300,765,206	386,043,017
<b>Jumlah Ekuiti</b>	<b>419,545,547</b>	<b>376,358,072</b>	<b>786,583,013</b>	<b>886,952,380</b>
<b>Bilangan Unit-unit</b>	<b>261,888,606</b>	<b>232,033,336</b>	<b>277,161,034</b>	<b>282,289,109</b>
<b>Nilai Aset Bersih Seunit</b>	<b>1.602</b>	<b>1.622</b>	<b>2.838</b>	<b>3.142</b>

# Penyata Aset dan Liabiliti

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

Pada 31 Disember 2022

	Dana Sejati		Dana Lion Balanced	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
<b>Aset</b>				
Pelaburan (Nota 5)	277,597,745	261,933,125	2,081,651,546	1,702,113,855
Sekuriti Kerajaan Malaysia	5,480,000	36,585,480	177,097,330	64,885,870
Sekuriti Hutang	225,237,695	165,436,465	462,372,410	345,778,146
Sekuriti Ekuiti	36,880,050	40,911,180	1,192,181,806	1,023,014,089
Dana Amanah Unit Dan Hartanah	-	-	-	8,435,750
Deposit Dengan Institusi Kewangan	10,000,000	19,000,000	250,000,000	260,000,000
Aset Cukai Tertunda	108,160	-	1,029,123	-
Cukai Yang Dikembalikan	-	-	1,755,286	3,629,843
Aset Lain (Nota 6)	4,190,951	2,710,090	14,710,195	23,800,948
Tunai Dan Baki Bank	7,237,333	784,645	96,167,159	79,838,394
<b>Jumlah Aset</b>	<b>289,134,189</b>	<b>265,427,860</b>	<b>2,195,313,309</b>	<b>1,809,383,040</b>
<b>Liabiliti</b>				
Peruntukan Untuk Pencukaian	910,969	609,771	-	-
Liabiliti Cukai Tertunda	-	159,352	-	1,360,641
Pembiutang Lain (Nota 7)	2,310	1,985	51,374	17,909
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>913,279</b>	<b>771,108</b>	<b>51,374</b>	<b>1,378,550</b>
<b>Nilai Aset Bersih Dana (“NAV”)</b>	<b>288,220,910</b>	<b>264,656,752</b>	<b>2,195,261,935</b>	<b>1,808,004,490</b>
<b>Ekuiti</b>				
Modal Pemegang Unit	201,293,889	185,127,896	1,988,428,773	1,591,643,738
Pendapatan Tidak Diagih	86,927,021	79,528,856	206,833,162	216,360,752
<b>Jumlah Ekuiti</b>	<b>288,220,910</b>	<b>264,656,752</b>	<b>2,195,261,935</b>	<b>1,808,004,490</b>
<b>Bilangan Unit-unit</b>	<b>98,436,103</b>	<b>92,764,372</b>	<b>472,607,521</b>	<b>385,748,771</b>
<b>Nilai Aset Bersih Seunit</b>	<b>2.928</b>	<b>2.853</b>	<b>4.645</b>	<b>4.687</b>

# Penyata Aset dan Liabiliti

LAPORAN TAHUNAN UNIT DANA 2022

Pada 31 Disember 2022

	Dana Lion Fixed Income		Dana Lion Growth	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
<b>Aset</b>				
Pelaburan (Nota 5)	2,289,399,972	2,176,887,488	566,772,686	636,864,172
Sekuriti Kerajaan Malaysia	312,283,750	345,556,500	-	-
Sekuriti Hutang	1,437,727,001	1,360,799,046	-	-
Sekuriti Ekuiti	209,389,221	300,531,942	553,109,919	624,865,513
Dana Amanah Unit Dan Hartanah	-	-	13,662,767	11,998,659
Deposit Dengan Institusi Kewangan	330,000,000	170,000,000	-	-
Aset Cukai Tertunda	3,973,818	144,860	-	-
Cukai Yang Dikembalikan	-	-	4,009,373	2,465,767
Aset Lain (Nota 6)	40,192,163	31,559,472	298,901	946,605
Tunai Dan Baki Bank	324,781,176	109,541,002	19,485,486	9,406,877
<b>Jumlah Aset</b>	<b>2,658,347,129</b>	<b>2,318,132,822</b>	<b>590,566,446</b>	<b>649,683,421</b>
<b>Liabiliti</b>				
Peruntukan Untuk Pencukaian	6,812,487	3,874,546	-	-
Liabiliti Cukai Tertunda	-	-	276,077	1,551,239
Liabiliti Derivatif	544,415	2,143,322	-	-
Pembiutang Lain (Nota 7)	19,337	16,269	1,359,304	1,427,193
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>7,376,239</b>	<b>6,034,137</b>	<b>1,635,381</b>	<b>2,978,432</b>
<b>Nilai Aset Bersih Dana (“NAV”)</b>	<b>2,650,970,890</b>	<b>2,312,098,685</b>	<b>588,931,065</b>	<b>646,704,989</b>
<b>Ekuiti</b>				
Modal Pemegang Unit	2,133,032,110	1,829,334,912	248,007,631	269,799,274
Pendapatan Tidak Diagih	517,938,780	482,763,773	340,923,434	376,905,715
<b>Jumlah Ekuiti</b>	<b>2,650,970,890</b>	<b>2,312,098,685</b>	<b>588,931,065</b>	<b>646,704,989</b>
<b>Bilangan Unit-unit</b>	<b>754,832,258</b>	<b>666,695,123</b>	<b>306,894,770</b>	<b>318,103,782</b>
<b>Nilai Aset Bersih Seunit</b>	<b>3.512</b>	<b>3.468</b>	<b>1.919</b>	<b>2.033</b>

# Penyata Aset dan Liabiliti

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

Pada 31 Disember 2022

	Dana Lion Progressive		Dana Lion Strategic	
	2022	2021	2022	2021
	RM	RM	RM	RM
<b>Aset</b>				
Pelaburan (Nota 5)	927,782,933	1,035,269,245	2,357,382,523	2,211,404,061
Sekuriti Kerajaan Malaysia	9,973,900	30,691,400	147,306,500	-
Sekuriti Hutang	75,993,072	57,636,934	126,041,554	44,670,390
Sekuriti Ekuiti	840,097,277	938,742,536	2,029,132,081	2,048,316,550
Dana Amanah Unit Dan Hartanah	1,718,684	8,198,375	54,902,388	58,417,121
Deposit Dengan Institusi Kewangan	-	-	-	60,000,000
Cukai Yang Dikembalikan	5,183,866	4,372,305	6,882,909	4,435,436
Aset Lain (Nota 6)	1,525,981	1,228,227	5,193,591	5,936,450
Tunai Dan Baki Bank	81,577,399	42,545,394	21,414,618	100,578,985
<b>Jumlah Aset</b>	<b>1,016,070,179</b>	<b>1,083,415,171</b>	<b>2,390,873,641</b>	<b>2,322,354,932</b>
<b>Liabiliti</b>				
Liabiliti Cukai Tertunda	1,464,764	4,307,158	9,374,936	13,236,396
Pembiayaan Lain (Nota 7)	1,189,761	1,999,471	6,078,754	8,002,964
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>2,654,525</b>	<b>6,306,629</b>	<b>15,453,690</b>	<b>21,239,360</b>
<b>Nilai Aset Bersih Dana ("NAV")</b>	<b>1,013,415,654</b>	<b>1,077,108,542</b>	<b>2,375,419,951</b>	<b>2,301,115,572</b>
<b>Ekuiti</b>				
Modal Pemegang Unit	705,702,694	712,601,032	2,026,041,912	1,912,144,820
Pendapatan Tidak Diagih	307,712,960	364,507,510	349,378,039	388,970,752
<b>Jumlah Ekuiti</b>	<b>1,013,415,654</b>	<b>1,077,108,542</b>	<b>2,375,419,951</b>	<b>2,301,115,572</b>
<b>Bilangan Unit-unit</b>	<b>271,184,280</b>	<b>272,962,124</b>	<b>926,450,839</b>	<b>881,315,807</b>
<b>Nilai Aset Bersih Seunit</b>	<b>3.737</b>	<b>3.946</b>	<b>2.564</b>	<b>2.611</b>

# Penyata Aset dan Liabiliti

LAPORAN TAHUNAN UNIT DANA 2022

Pada 31 Disember 2022

	Dana Lion US-i		Dana Lion UK-i	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
<b>Aset</b>				
Pelaburan (Nota 5)	43,728,964	42,920,419	6,119,323	6,579,188
Dana Amanah Unit Dan Hartanah	43,728,964	42,920,419	6,119,323	6,579,188
Aset Lain (Nota 6)	464,808	1,733,193	117	-
Tunai Dan Baki Bank	669,735	1,189,387	79,457	85,822
<b>Jumlah Aset</b>	<b>44,863,507</b>	<b>45,842,999</b>	<b>6,198,897</b>	<b>6,665,010</b>
<b>Liabiliti</b>				
Peruntukan Untuk Pencukaian	96,318	21,013	20,112	22,156
Liabiliti Cukai Tertunda	404,313	1,040,998	47,398	78,495
Liabiliti Derivatif	1,118	705	-	-
Pembiutang Lain (Nota 7)	715	366	336	7,616
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>502,464</b>	<b>1,063,082</b>	<b>67,846</b>	<b>108,267</b>
<b>Nilai Aset Bersih Dana (“NAV”)</b>	<b>44,361,043</b>	<b>44,779,917</b>	<b>6,131,051</b>	<b>6,556,743</b>
<b>Ekuiti</b>				
Modal Pemegang Unit	33,479,589	27,569,656	3,733,037	4,031,944
Pendapatan Tidak Diagih	10,881,454	17,210,261	2,398,014	2,524,799
<b>Jumlah Ekuiti</b>	<b>44,361,043</b>	<b>44,779,917</b>	<b>6,131,051</b>	<b>6,556,743</b>
<b>Bilangan Unit-unit</b>	<b>12,813,704</b>	<b>11,239,939</b>	<b>4,290,449</b>	<b>4,500,167</b>
<b>Nilai Aset Bersih Seunit</b>	<b>3.462</b>	<b>3.984</b>	<b>1.429</b>	<b>1.457</b>

# Penyata Aset dan Liabiliti

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

Pada 31 Disember 2022

	Dana Lion AU-i 2022 RM	Dana Lion AU-i 2021 RM	Dana Lion Asia Pac 2022 RM	Dana Lion Asia Pac 2021 RM
<b>Aset</b>				
Pelaburan (Nota 5)	11,865,231	12,556,049	1,724,017	2,168,292
Dana Amanah Unit Dan Hartanah	11,865,231	12,556,049	1,724,017	2,168,292
Aset Lain (Nota 6)	98,150	84,880	-	-
Tunai Dan Baki Bank	1,457,275	80,911	9,395	21,197
<b>Jumlah Aset</b>	<b>13,420,656</b>	<b>12,721,840</b>	<b>1,733,412</b>	<b>2,189,489</b>
<b>Liabiliti</b>				
Peruntukan Untuk Pencukaian	79,861	67,713	1,401	19,007
